

**JAWAPAN BERTULIS BAGI SESI YB TIMBALAN MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN MENJAWAB KE ATAS SOALAN
MENJAWAB LISAN BAGI MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KE-14 DEWAN NEGARA TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** memberikan penjelasan mengenai had masa bagi kenderaan berat memasuki Bandaraya Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua kenderaan berat dikenakan had masa masuk ke Pusat Bandar Kuala Lumpur. Had masa masuk ini dikenakan pada dua (2) waktu puncak iaitu di waktu pagi, pada jam 6.30 pagi sehingga 9.30 pagi. Manakala, di waktu petang pada 4.30 petang sehingga 7.30 petang. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga memaparkan masa larangan masuk kenderaan ini pada paparan *Variable Message Sign* (VMS) yang terdapat di jalan-jalan masuk utama Kuala Lumpur. Selain itu, notis awam yang lebih *visible* diletakkan di lokasi-lokasi yang strategik di jalan-jalan masuk utama.

Had masa ini dikuatkuasakan bersama rakan-rakan strategik DBKL iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia bagi memastikan pemandu kenderaan berat mematuhi had masa masuk yang ditetapkan.

Namun, masih terdapat pemandu kenderaan berat yang gagal mematuhi had masa ini dan mereka telah dikenakan notis kompaun mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Pengangkutan Bahan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997. Dari tahun 2020 sehingga Mac 2022, sebanyak 2,189 notis kompaun telah dikeluarkan.

DBKL dari semasa ke semasa sentiasa memberikan peringatan kepada pemandu kenderaan berat untuk mematuhi had masa ini bagi menjadikan Kuala Lumpur, bandar raya yang selamat (*safe city*).

Sekian terima kasih.